

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai kadar pengangguran di negara bagi tahun 2020 dan bagi tahun 2021 sehingga suku kedua mengikut umur (20-24 tahun, 25-29 tahun, 30-34 tahun dan 35-64 tahun).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan data terkini Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran keseluruhan di Malaysia pada suku kedua 2021 menurun 0.3 peratus kepada 4.8% berbanding 5.1% pada suku kedua 2020.

Kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun pula merekodkan 11.0% pada suku kedua 2021 iaitu menurun 1.5 peratus berbanding 12.5% pada suku kedua 2020.

Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 25-34 tahun merekodkan 5.0% pada suku kedua 2021 berbanding suku kedua 2020 iaitu 5.2%.

Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 35-44 tahun merekodkan 1.9% pada suku kedua 2021 berbanding suku kedua 2020 iaitu 2.3%.

Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 45-54 tahun merekodkan 3.0% pada suku kedua 2021 berbanding suku kedua 2020 iaitu 2.6%.

Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 55-64 tahun merekodkan 4.1% pada suku kedua 2021 berbanding suku kedua 2020 iaitu 2.8%.